



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


25 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 314 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 246,077 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Kota Belud, Kota Marudu dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 177 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,187 orang. Manakala 690 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 378 orang di hospital, 301 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 11 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 20 orang merangkumi 16 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 22 (36.67%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah hari ini melonjak lebih dua (2) kali ganda daripada jumlah kelmarin, iaitu 314 kes berbanding hanya 118 kes kelmarin. Ini merupakan pertambahan 196 kes daripada jumlah sebelumnya.
- b. Empat (4) daerah mencatatkan angka jangkitan baharu yang agak tinggi iaitu Sandakan 68 kes (+56), Kota Kinabalu 61 kes (+44), Beaufort 39 kes (+31) dan Tuaran 34 kes (+19). Secara keseluruhan, terdapat sembilan (9) daerah mencatat kes baharu dua (2) angka, 14 daerah dengan catatan satu (1) angka dan empat (4) daerah tidak merekodkan apa-apa kes baharu.
- c. Berdasarkan laporan dan statistik harian yang disediakan oleh JKNS, punca kenaikan mendadak kes-kes baharu hari ini ialah kerana bilangan saringan positif yang agak tinggi dikalangan kontak rapat dan kes-kes baharu daripada kluster-kluster aktif. Sebanyak 64 kes baharu hari ini datang daripada kluster-kluster dan 143 pula adalah dikalangan kontak rapat.
- d. Satu (1) lagi kluster 'institusi pendidikan' yang dikenali sebagai Kluster Jalan Sri Balung diisytiharkan di Tawau hari ini. Kes indeks adalah seorang pelajar asrama lelaki tingkatan 4 di SMK Balung, yang mula bergejala pada 19 Januari 2022, kemudiannya menjalani saringan di klinik kesihatan sebelum disahkan positif melalui COVID-19 RTK Ag pada 21 Januari 2022. Saringan keatas kontak rapat mendapati 17 orang lagi pelajar didapati positif menjadikan jumlah yang terlibat seramai 18 orang setakat ini. Kesemua pelajar yang dijangkiti adalah dalam Kategori 1 dan 2 dan telah diasingkan serta diberi rawatan yang sesuai.
- e. Sebanyak 312 daripada 314 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2; dua (2) kes dalam Kategori 3 dan tiada pesakit dalam Kategori 4 dan 5.

- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (143) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	64	20.38%
2	Kontak	143	45.54%
3	Bergejala	91	28.98%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	16	5.09%
JUMLAH		314	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/01/2022	Catatan Kes 25/01/2022	Perbandingan
1	Sandakan	12	68	+56
2	Kota Kinabalu	17	61	+44
3	Beaufort	8	39	+31
4	Tuaran	15	34	+19
5	Tawau	4	16	+12
6	Kota Marudu	7	15	+8
7	Lahad Datu	3	11	+8
8	Ranau	2	7	+5
3	Penampang	13	16	+3
10	Kota Belud	2	5	+3
11	Kunak	1	3	+2
12	Pitas	0	2	+2
13	Beluran	0	2	+2
14	Putatan	6	7	+1
15	Tambunan	1	2	+1
16	Kinabatangan	1	2	+1
17	Tongod	0	1	+1
18	Papar	15	15	Mendatar
19	Keningau	3	3	Mendatar
20	Kudat	1	1	Mendatar
21	Telupid	1	1	Mendatar
22	Nabawan	0	0	Mendatar
23	Kalabakan	0	0	Mendatar
24	Semporna	0	0	Mendatar
25	Tenom	3	2	-1
26	Sipitang	2	1	-1
27	Kuala Penyu	1	0	-1
JUMLAH		118	314	+196

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (11 Januari – 24 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	47	3	17	0	1	68	284
Kota Kinabalu	0	38	14	0	9	61	610
Beaufort	0	28	9	0	2	39	137
Tuaran	0	28	6	0	0	34	301
Penampang	0	8	7	0	1	16	297
Tawau	14	1	1	0	0	16	93
Papar	0	13	2	0	0	15	207
Kota Marudu	0	3	12	0	0	15	123
Lahad Datu	0	11	0	0	0	11	36
Putatan	0	1	6	0	0	7	122
Ranau	3	0	3	0	1	7	201
Kota Belud	0	2	3	0	0	5	105
Keningau	0	0	3	0	0	3	108
Kunak	0	3	0	0	0	3	9
Tenom	0	0	1	0	1	2	65
Kinabatangan	0	0	1	0	1	2	90
Tambunan	0	0	2	0	0	2	82
Beluran	0	1	1	0	0	2	26
Pitas	0	2	0	0	0	2	15
Sipitang	0	0	1	0	0	1	44
Telupid	0	1	0	0	0	1	17
Kudat	0	0	1	0	0	1	14
Tongod	0	0	1	0	0	1	10
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	62
Semporna	0	0	0	0	0	0	6
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	4
Nabawan	0	0	0	0	0	0	4
JUMLAH	64	143	91	0	16	314	3,072

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Bypass Kologon	3
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	47
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	14
Jumlah		64

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Sri Balung - Tawau adalah kluster jenis institusi pendidikan yang melibatkan pelajar asrama di SMK Balung. Kes indeks merupakan lelaki, pelajar Tingkatan 4 yang mula bergejala sejak 19 Januari 2022. Saringan yang dibuat di klinik kesihatan pada 21 Januari 2022 mendapati kes indeks positif COVID-19 RTK AG lalu dikuarantin dan diberikan rawatan lanjut. Saringan ke atas 38 kontak rapat mengesan 14 kes baharu, manakala 22 lagi masih menunggu keputusan ujian dan satu (1) lagi ujian saringan didapati negatif. Ini menjadikan kumulatif kes positif sebanyak 18 kes yang terdiri daripada pelajar SMK Balung. Semua pesakit dikategorikan sebagai bergejala ringan (Kategori 1 dan 2) dan telah dikuarantin serta diberikan rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,762 unit

- Hospital 1,165 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.34%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	305
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	6
Jumlah	314

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Turki	1
Indonesia	1
Bangladesh	1
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	299
Bukan Malaysia	15
Jumlah	314

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	43
Belum Menerima Vaksin	18
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	220
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	33
Jumlah	314

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	17
6 to 11	23
12 to 17	97
18 to 25	30
26 to 59	129
>60	15
Jumlah	314

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,106 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,029 orang adalah penduduk dewasa dan 77 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 24 Januari 2022 adalah seramai 2,453,740 orang. Ini meliputi 2,116,545 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.73% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,624 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,999 orang atau 76.02% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,195 orang atau 77.69% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,625 atau 72.03% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **680,007** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,521 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 46 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 225 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Imigresen 1959/63.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1059 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 216 premis perniagaan dan 259 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 389 Premis Perniagaan melibatkan 172 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 105 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 56 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Beluran	98.8%
2	Semporna	98.7%
3	Kunak	98.6%
4	Beaufort	98.4%
5	Papar	98.4%
6	Kota Kinabalu	98.4%
7	Kinabatangan	98.4%
8	Kudat	98.4%
9	Ranau	98.4%
10	Kota Belud	98.3%
11	Sandakan	98.3%
12	Tenom	98.3%
13	Penampang	98.2%
14	Lahad Datu	98.2%
15	Keningau	98%
16	Sipitang	98%
17	Kota Marudu	98%
18	Tuaran	97.9%
19	Tawau	97.9%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II